



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 4, Issue 4, August 2019

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.mssocialsciences.com

Elemen Perbelanjaan dalam Perkahwinan Melayu: Tinjauan Hukum dari Perspektif Fiqh Kontemporari

Siti Zaleha Ibrahim¹, Mohd Faisal Mohamed², Phayilah Yama³

¹Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

²Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

³Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Correspondence: Siti Zaleha Ibrahim (sitzaleha@kuis.edu.my)

Abstrak

Terdapat beberapa jenis perbelanjaan dalam perkahwinan Melayu di Malaysia. Justeru, penulisan ini mengkaji elemen-elemen perbelanjaan tersebut. Antara elemen perbelanjaan tersebut ialah perbelanjaan bagi tujuan majlis perkahwinan iaitu hantaran kahwin dan kad kahwin. Sejarah menyaksikan masyarakat umumnya keliru tentang hantaran kahwin dan mas kahwin. Selain itu, ahli masyarakat juga gemar mengadakan majlis perkahwinan yang serba mewah sehingga menyebabkan mereka terbeban. Kajian ini turut membincangkan bagaimana hantaran kahwin yang rendah serta majlis perkahwinan yang sederhana mampu merealisasikan maqasid al- syariah iaitu memelihara harta. Kajian menggunakan satu metode utama iaitu kajian kepustakaan bagi mendapatkan sorotan sejarah hantaran kahwin dan nilainya dalam ‘urf Melayu di samping analisis elemen perbelanjaan yang dituntut dalam Islam. Hasil kajian mendapati bahawa Islam tidak melarang kewujudan elemen perbelanjaan perkahwinan tersebut tetapi ia perlulah dalam kadar yang sederhana dan tidak membebankan.

Kata kunci: perbelanjaan, perkahwinan, Melayu, fiqh kontemporari

Malay Wedding Expenditures: The Investigation on Its Ruling from Perspective of Contemporary Fiqh

Abstract

There are a few types of expenditures in Malay wedding. Hence, this research reports on wedding expenditures practice by Malay in Malaysia. Some of the wedding expenditures practiced by Malay are bride price and invitation cards. Through extensive observation, it can be said that the society often confuses between the bride price (*hantaran*) with marriage settlement (*mas kahwin*). Besides that, society also prefers to organize a grandeur wedding to the extent that the wedding becomes a burden on them. This research also discusses how a small bride price and a decent wedding can fulfill one of the *maqasid al-syariah* which is preserving one's possession. Researchers use library research as the primary method to obtain information on the origin and value of bride price (*hantaran kahwin*) in '*urf Melayu*', and the analysis on wedding expenditures promoted by Islamic religion. Research findings show that Islamic religion does not forbid cultural wedding expenditures, however, it must be moderate, considerate, and is not burdening.

Keywords: contemporary fiqh, expenditures, Malay, wedding

Pengenalan

Perkahwinan adalah antara perkara Sunnah rasulullah SAW dan sangat digalakkan kepada yang berkemampuan sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis Rasulullah SAW bersabda:

“Nikah itu sunnahku, barangsiapa yang tidak suka, maka ia bukan dari golonganku !”

(Hadis Riwayat Ibnu Majah)

Selain itu, perkahwinan merupakan fitrah bagi manusia tidak kira lelaki atau perempuan. Fitrah semula jadi manusia ingin kepada kasih sayang, ketenteraman, ketenangan dan sebagainya. Dengan perkahwinan itulah manusia mampu mendapat apa yang dihajati oleh emosi, fizikal dan spiritual sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah SWT melalui firmanNya yang bermaksud:

dan di antara tanda-tanda Yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, Bahawa ia menciptakan untuk kamu (Wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikannya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya Yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang Yang berfikir.

(al-Rum: 21)

Walau bagaimanapun, perkahwinan dilihat sebagai sesuatu yang menyukarkan lantaran melibatkan pelbagai perbelanjaan. Perbelanjaan tersebut merangkumi perbelanjaan sebagaimana yang dianjurkan syariat dan uruf.

Pernyataan Masalah

Dewasa ini, perbelanjaan bagi persiapan perkahwinan semakin meningkat dari hari ke hari. Kewujudan adat resam perkahwinan dan trend sambutan perkahwinan semasa telah menyebabkan masyarakat terpaksa membelanjakan sejumlah wang yang banyak dalam menguruskan perkahwinan, terutama bagi mereka yang tinggal di kawasan bandar (Syh Madiyah: 2017).

Sumber kepada semua perbelanjaan yang terlibat dalam perkahwinan didapati melalui hantaran kahwin. Justeru, tidak hairanlah masyarakat mengenakan hantaran kahwin yang sangat tinggi bagi menampung keperluan perbelanjaan-perbelanjaan dalam sesebuah perkahwinan. (Siti Zaleha Ibrahim: 2018).

Penetapan kadar wang hantaran yang tinggi oleh keluarga perempuan menyebabkan pihak lelaki terpaksa berfikir beberapa kali sebelum memberi persetujuan untuk berkahwin. Ini menyebabkan mereka terpaksa mengambil masa yang lama untuk menyimpan wang bagi meraikan permintaan wang hantaran tersebut (Fatimah Abdullah: 2009).

Kesannya, fenomena kahwin lewat semakin berleluasa dalam kalangan masyarakat hari ini. Bebanan perbelanjaan untuk mas kahwin dan wang hantaran telah menjadi faktor kepada fenomena tersebut. (Qurratul Aien Fatah Yassin: 2011). Dikenalpasti salah satu pengaruh yang menyumbang kepada kahwin lewat di Malaysia adalah kadar hantaran yang tinggi (Siti Zaleha Ibrahim, 2011). Situasi ini amat membimbangkan kita sebagai umat Islam di Malaysia.

Justeru, penulisan ini akan mengkaji sejauh mana elemen perbelanjaan dalam perkahwinan menepati tuntutan syarak. Antara elemen perbelanjaan tersebut ialah perbelanjaan bagi tujuan majlis perkahwinan iaitu hantaran kahwin, kad kahwin dan walimatul urus. Penulisan juga akan

membincangkan bagaimana hantaran kahwin yang rendah, kad undangan dan majlis perkahwinan yang sederhana mampu merealisasikan maqasid al- syariah dalam aspek pemeliharaan harta. Penulisan turut mendedahkan keutamaan perbelanjaan dalam perkahwinan yang menepati aspek *dharuriyyah, hajiyat* dan *tahsiniyyat*.

Elemen-Elemen Perbelanjaan Dalam Perkahwinan Melayu

Masyarakat Melayu sangat kaya dengan adat dan tradisi dalam semua perkara. Baik dalam perkahwinan, ia sangat meraikan adat-adat tertentu seperti majlis merisik, malis pertunangan penyediaan hantaran kahwin dan barang hantaran, kenduri dan lain-lain. Terdapat juga adat baru yang menjadi amalan muda-mudi sekarang seperti fotografi pre-wedding dan perbelanjaan berbulan madu.

Perbelanjaan-perbelanjaan tersebut dapatlah diklasifikasikan kepada tiga elemen utama iaitu perbelanjaan pra perkahwinan, perbelanjaan semasa perkahwinan dan perbelanjaan pasca perkahwinan. (Syh Noorul Madihah Syed Husin: 2017). Perbelanjaan sebelum perkahwinan terdiri daripada hadiah merisik dan melamar, hantaran dan persiapan majlis pertunangan, bayaran langkah bendul dan fotografi *pre wedding*.

Sementara elemen perbelanjaan bagi tujuan majlis perkahwinan pula terdiri daripada kad kahwin, persiapan diri pasangan, mas kahwin atau mahar, hantaran, majlis jamuan persiapan bagi upacara meraikan pasangan. Manakala elemen perbelanjaan pasca majlis perkahwinan pula adalah seperti perbelanjaan untuk berbulan madu. Pada kebiasaanya, pasangan pengantin gemar berbulan madu untuk merehatkan badan setelah penat bertungkus-lumus mengadakan majlis. Selain itu, berbulan madu mempunyai kelebihan tersendiri seperti dapat mengenali antara satu sama lain dengan lebih dekat lagi dan lain-lain.

Elemen Perbelanjaan Perkahwinan Yang Dituntut Dalam Islam

Perkahwinan dalam Islam sangat mudah dan tidak menyukarkan umat Islam. Islam telah meletakkan garis panduan berkaitan hukum pernikahan. Hukum perkahwinan ini berbeza antara seseorang individu dengan individu yang lain.

Hukum perkahwinan adalah wajib apabila seseorang itu mampu memberi nafkah zahir dan batin, tidak dapat mengawal nafsu dan takut terjerumus kepada zina seandainya tidak berkahwin. Manakala ia menjadi sunat apabila seseorang itu mampu memberi nafkah zahir dan batin dan masih mampu mengawal nafsunya serta tidak takut terjerumus kepada zina seandainya tidak berkahwin. Apabila seseorang itu mempunyai pilihan sama ada untuk berkahwin atau sebaliknya kerana tidak ada perkara yang menghalanginya dan tidak ada pula yang mendorongnya untuk berkahwin, maka hukumnya adalah harus. Ia bertukar menjadi makruh apabila seseorang mempunyai keinginan untuk berkahwin tetapi tidak mampu untuk menyediakan nafkah. Yang terakhir adalah haram apabila seseorang tidak mampu menanggung nafkah isteri atau pasti akan melakukan kezaliman terhadap isteri sekiranya berkahwin (Siti Rashidah et al: 2017).

Berdasarkan hukum tersebut, dapat difahami bahawa Islam menekankan soal kemampuan dalam memberi nafkah dan ia merupakan tanggungjawab seorang suami. Nilai nafkah ini adalah berbeza mengikut kemampuan para suami. Selain itu, terdapat juga persediaan lain yang perlu dipenuhi oleh seorang suami seperti pemberian mahar atau mas kahwin. Allah SWT berfirman yang maksudnya:

dan berikanlah kepada perempuan-perempuan itu maskahwin-maskahwin mereka sebagai pemberian Yang wajib. kemudian jika mereka Dengan suka hatinya memberikan kepada kamu sebahagian dari maskahwinnya maka makanlah (gunakanlah) pemberian (yang halal) itu sebagai nikmat Yang lazat, lagi baik kesudahannya.

(al-Nisa: 4)

Mas kahwin atau mahar yang dikenali sebagai *al-nihlah*, *al-sadaq*, *al-saduqah*, *al-ajr*, *al-faridah* dan *al-'aqd* merupakan suatu pemberian yang wajib diberi kepada isteri sebab dinikahinya dan disetubuhinya. Ia wujud dalam bentuk wang, benda, manfaat atau sesuatu yang berharga (Mohd Salleh Ahmad, 2010).

Rasulullah SAW mengajar kita untuk mempermudahkan urusan perkahwinan tanpa melibatkan perbelanjaan yang besar. Walau bagaimanapun ajaran baginda ini tidak diikuti sepenuhnya oleh masyarakat dewasa kini. (Syh Noorul Madiyah Syed Husin, 2014). Sebagai contoh, nilai mas kahwin yang pernah diberikan oleh Rasulullah SAW kepada isteri-isteri baginda adalah tidak melebihi 500 dirham. Hal ini dapat difahami melalui hadis riwayat Abu Salamah bin 'Abd al-Rahman yang maksudnya:

"Abu Salamah bin Abd al-Rahman berkata, "Aku bertanya kepada Aisyah, isteri Nabi s.a.w, "Berapakah nilai mahar yang diberikan Rasulullah? Aisyah menjawab, "Mahar yang baginda berikan untuk isteri-isterinya sebesar 12 uqiyyah dan nasya. Aisyah berkata, Apakah engkau tahu apakah nasya itu? Aku berkata, "Tidak? Kata Aisyah, "Nasya adalah ½ uqiyyah. Maka nilainya sekitar 500 dirham. Demikianlah mahar Rasulullah untuk isteri-isterinya.

(Hadis Riwayat Muslim)

Saidina Umar al-Khattab RA juga pernah menjelaskan secara umum mas kahwin isteri dan puteri Rasulullah SAW ketika menyampaikan khutbah yang maksudnya:

"Nabi tidak pernah memberi mas kahwin kepada mana-mana isterinya, dan puteri-puteri baginda juga tidak diberikan mas kahwin melebihi 12 uqiyyah".

1 uqiyyah adalah bersamaan 40 dirham, manakala 1 nashsh adalah separuh uqiyyah iaitu 20 dirham. Justeru, 12 uqiyyah dan 1 nasya menyamai 500 dirham. Dan 500 dirham adalah menyamai dengan nilai bagi 1487.5 gram perak. Bagi nilai semasa, 500 dirham itu adalah bersamaan dengan RM3049.08. (1487.5 gram perak x rm2.05= rm3049.38). Begitulah nilai mas kahwin yang berada pada dua tahap iaitu tidak terlalu rendah dan tidak terlalu tinggi.

Terdapat banyak hadis yang menganjurkan nilai mahar yang rendah. Antaranya Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Sebaik – baik perempuan adalah yang paling murah maharnya "

(Hadis Riwayat ibnu Hibban, Hakim, Baihaqi, Ahmad)

Selain itu, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Kebanyakan perempuan yang berkat perkahwinannya ialah yang mudah (rendah) tentang perbelanjaan (mahar)."

(Hadis Riwayat Ahmad dan al-Hakim)

Dalam hadis lain, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Carilah untuk dijadikan mas kahwin walaupun sebentuk cincin yang diperbuat daripada besi ."

(Hadis Riwayat Bukhari)

Dan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

"Sesungguhnya yang besar berkat nikah ialah yang sederhana belanjanya ".

(Hadis Riwayat Ahmad)

Bagi pengendalian walimatul urus pula, ia sangat dituntut untuk melakukannya sebagai tanda kesyukuran oleh pihak pengantin kerana telah dikurniakan Allah dengan rezeki pernikahan. Ia juga diadakan bagi menyatakan rasa gembira dan kegembiraan itu dikongsi bersama dengan orang lain. Rasulullah SAW pernah bersabda kepada Abdul Rahman bin Auf,

“Buatlah walimah walaupun dengan menyembelih seekor kambing”

Perkataan walimah berasal daripada perkataan al-walmu iaitu perjumpaan. Manakala walimah ialah makanan untuk kenduri kahwin atau semua makanan yang dibuat untuk memanggil orang. Bagi orang kaya, kadar minimum bagi walimah ialah seekor kambing. Manakala bagi yang miskin kadarnya ialah makanan yang termampu olehnya.

Rasulullah juga sangat bersederhana dalam mengadakan walimatul urus. Sebagai contoh Rasulullah SAW sendiri pernah mengadakan majlis walimatul urus dengan hanya menjamu kurma yang telah dibuang bijinya dan dicampurkan dengan susu atau gandum.

Elemen Perbelanjaan Perkahwinan Melayu Dari Sudut Fiqh Kontemporari

Aspek keutamaan dalam berbelanja sangat perlu ditekankan. Ia perlu selaras dengan tuntutan maqasid al-syariah. Menurut al-Syatibi, maqasid syariah mempunyai lima prinsip asas Islam iaitu memelihara agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Kesemuanya prinsip ini termasuk dalam perkara keperluan asas (*dharuriyyat*). Malah pada pandangan al-Syatibi, menurutnya segala apa yang disyariatkan tidak terlepas daripada maqasid ini yang dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu kepentingan asas (*dharuriyyat*), keperluan biasa (*hajiyah*) dan pelengkap (*tahsiniyyah*) (al-Syatibi, 2003).

Di sini dapat difahami bahawa perbelanjaan untuk keperluan dharuriyyah perlu diutamakan, kemudian diikuti dengan keperluan hajiyah dan tahsiniyyah. Selain itu, keutamaan berbelanja dari sudut tujuan perbelanjaan juga perlu diambil kira. Perbelanjaan yang bertujuan untuk memenuhi tuntutan wajib perlu diutamakan, kemudian diikuti dengan perkara yang memenuhi tuntutan sunat dan harus (Syh Noorul Madiyah Syed Husin: 2017).

Hasil kajian Syh Noorul Madiyah Syed Husin mendapati bahawa elemen yang paling perlu diutamakan ialah i) mas kahwin, diikuti dengan ii) jamuan untuk tujuan walimah dan seterusnya perbelanjaan untuk iii) kad kahwin, kelengkapan serta lokasi jamuan (Syh Noorul Madiyah Syed Husin: 2017).

Penulis berpendapat bahawa mas kahwin adalah dalam kategori dharuriyyah kerana tujuannya adalah untuk menyelesaikan perkara wajib. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

dan berikanlah kepada perempuan-perempuan itu maskahwin-maskahwin mereka sebagai pemberian Yang wajib. kemudian jika mereka Dengan suka hatinya memberikan kepada kamu sebahagian dari maskahwinnya maka makanlah (gunakanlah) pemberian (yang halal) itu sebagai nikmat Yang lazat, lagi baik kesudahannya.

(al-Nisa: 4)

Manakala perkara dalam kategori hajiyah adalah perbelanjaan untuk jamuan. Ia bertujuan untuk memenuhi tuntutan sunat walimah, manakala perbelanjaan untuk kad kahwin, kelengkapan serta lokasi jamuan pula bertujuan untuk memenuhi perkara harus (Syh Noorul Madiyah Syed Husin: 2017).

Kad undangan kahwin diwujudkan bagi menjemput ahli masyarakat hadir ke majlis walimatul urus. Tujuannya adalah sangat baik namun senario pada hari ini menyaksikan *trend* baru dalam kad iaitu dengan memuatkan gambar pengantin pada kad. Secara dasarnya, hukumnya adalah harus dengan tujuan supaya dapat mengenali pasangan pengantin. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang perlu diambil perhatian. Perkara tersebut ialah:-

- i. Gambar perlulah dalam keadaan sopan. Pasangan pengantin tidak berposing secara keterlaluan sehingga boleh menimbulkan fitnah.
- ii. Gambar yang diambil tidak berdua-duaan kecuali telah berkahwin. Sekiranya pasangan belum diijabkabulkan, maka seharusnya gambar tidak diambil dalam keadaan berdua-duaan seolah-olah telah berkahwin.

Bagi keperluan tafsiniyyat, perbelanjaan untuknya masih wajar bagi individu yang mempunyai lebih sumber setelah menyelesaikan keperluan dharuriyyat dan hajiyyat. Keutamaan perlu diberikan pada perbelanjaan untuk keperluan tafsiniyyat yang bertujuan untuk melakukan perkara sunat seperti jamuan bagi majlis pra perkahwinan, jamuan untuk majlis akad nikah dan pelbagai bentuk pemberian hadiah (Syh Noorul Madihah Syed Husin: 2017).

Masyarakat Melayu sangat gemar bertukar-tukar hadiah atau dikenali sebagai barang hantaran sama ada dalam majlis pertunangan ataupun majlis perkahwinan. Berdasarkan Majlis Fatwa Selangor, terdapat beberapa panduan yang perlu diambil kira dalam majlis perkahwinan. Garis panduan tersebut adalah seperti berikut:

- i. Tiada fatwa yang diwartakan berkenaan dengan hantaran perkahwinan.
- ii. Hantaran atau barang irungan merupakan hadiah daripada kedua-dua belah pihak yang diharuskan oleh syarak. Pemberian ini perlulah disertai dengan niat yang baik, ikhlas, tidak riak, berbangga-bangga, bermegah-megah dan berlebih-lebihan.
- iii. Hukum tepak sirih atau sirih junjung adalah harus dengan syarat tidak bercanggah dengan akidah dan syariat Islam serta tidak ada apa-apa kepercayaan di sampingnya. Ia adalah adat semata-mata.
- iv. Jumlah hantaran adalah mengikut kemampuan dan tidak terikat kepada jumlah bilangan yang ganjil.

Seterusnya diikuti dengan keperluan tafsiniyyat yang bertujuan untuk melakukan perkara harus seperti persiapan diri pasangan, hiburan, fotografi, pelamin dan berbulan madu. (Syh Noorul Madihah Syed Husin: 2017). Tiada larangan dalam melakukan perkara-perkara tersebut selagi mana ia tidak membazir. Islam jelas melarang umatnya melakukan pembaziran sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Berikanlah kepada kaum-kerabat haknya masing-masing dan kepada orang miskin dan orang musafir dan janganlah engkau membazir (boros) dengan melampau

(al-Isra': 26)

Menghindari sebarang bentuk pembaziran itu adalah salah satu cara kita memelihara harta dengan cara *al-'adam*. Apabila tiada pembaziran, secara tidak langsung, kita telah memelihara harta dengan cara yang baik yang seterusnya membantu merealisasikan tuntutan maqasid al-syariah.

Kesimpulan

Hasil kajian mendapati bahawa Islam tidak melarang kewujudan elemen perbelanjaan perkahwinan tersebut tetapi ia perlulah dalam kadar yang sederhana dan tidak membebankan. Selain itu, kita juga perlu berbelanja mengikut keutamaan dan keperluan iaitu mengutamakan perkara dalam kategori dharuriyyah terlebih dahulu, kemudian diikuti hajiyat dan akhir sekali tafsiniyyat. Seterusnya majlis perkahwinan yang bebas daripada unsur pembaziran secara tidak langsung mampu merealisasikan tuntutan maqasid al-syariah iaitu memelihara harta.

Rujukan

Al-Quran al-Karim.

- Fatimah Abdullah, "Dari Halaman Rumah ke Dewan Merak Kayangan," SARI Jurnal Alam dan Tamadun Melayu 27, no. 1 (June - December 2009): 97-107.
- <http://www.addeen.my/index.php/rohani/hukum/item/990-kad-kahwin-patuh-syariat>
- <http://www.muftiselangor.gov.my/soal-jawab-personalisation/munakahat#faqnoanchor>
- <https://says.com/my/seismik/share-agama-vs-adat-perkara-apa-yang-tak-perlu-sebenarnya-dalam-perkahwinan>
- Ibrahim bin Musa al-Syatibi. 2003. *Al-Muwafaqat fi Usul al-Syariah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Mohd Salleh Ahmad. 2010. *Perkahwinan Dan Perceraian Dalam Islam*. Selangor: Pustaka Haji Abdul Majid Sdn. Bhd.
- Qurratul Aien Fatah Yassin, "Pendekatan As-Sunnah dalam Menangani Fenomena Kahwin Lewat di Kalangan Masyarakat Islam di Malaysia," dalam Sunnah Nabi: Realiti dan dan Cabaran Semasa, ed. Fauzi Deraman, Ishak Sulaiman, Faisal Ahmad Shah (Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011), 296.
- Siti Rashidah Abd Razak, Siti Zaleha Ibrahim, Noraini Mohamad. *Tasawwur Islam*. 2017. Penyunting: Siti Zaleha Ibrahim. Selangor: Corner Resources.
- Siti Zaleha Ibrahim & Noraini Mohamad. 2018. *Elemen Perbelanjaan Yang Sederhana Sebagai Wasilah Merealisasikan Maqasid Al-Syariah Dalam Perkahwinan*. 4th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference 2018. e-proceeding
- Siti Zaleha Ibrahim. 2011. *Taakhur Al-Zawaj Fi Malizia: Al-Musykilat Wa Hululuha Min Ru'yah Fiqhiyyah Mu'asorah*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Kulliyah of Kulliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.\
- Syh Noorul Madihah Syed Husin. 2017. *Gelagat Perbelanjaan Perkahwinan Masyarakat Melayu Muslim Menurut Perspektif Syariah*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya.
- Syh Noorul Madihah Syed Husin, Raihanah Azahari dan Asmak Ab. Rahman. 2014. "Konsep al-Taysir dalam Perbelanjaan Perkahwinan Islam", Jurnal Syariah 22, no.3 (September - Disember 2014), 337.